

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 26 TAHUN 2005

**PINDAAN KADAR BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT,
BANTUAN BAYARAN PAKAIAN *BLACK TIE* DAN
BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI UPACARA RASMI**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan berhubung dengan pindaan kadar Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.

TAFSIRAN

2. “Pakaian Istiadat” ertinya pakaian upacara rasmi yang direkabentuk khas untuk sesuatu perkhidmatan.
3. “Pakaian *Black Tie*” ertinya pakaian separa rasmi barat yang dipakai untuk majlis makan malam.

4. “Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi” ertinya Pakaian Kebangsaan Hitam atau *Dark Lounge Suit* bagi lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita semasa dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan atau Negeri.

KELAYAKAN

5. Pegawai Perkhidmatan Awam yang mempunyai Pakaian Istiadat layak diberi Bayaran Pakaian Istiadat dan boleh memilih untuk menggantikannya dengan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.

6. Pegawai Perkhidmatan Awam yang tidak mempunyai Pakaian Istiadat **tetapi** dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.

7. Pegawai Perkhidmatan Awam yang dikehendaki memakai Pakaian Istiadat semasa menghadiri upacara rasmi layak diberi Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie*.

PINDAAN KADAR BANTUAN BAYARAN PAKAIAN

8. Kadar baru bagi Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Pakaian	Kadar Bayaran Semasa	Kadar Bayaran Baru
1.	Bayaran Pakaian Istiadat	RM750.00	RM1,000.00
2.	Bantuan Bayaran Pakaian <i>Black Tie</i>	RM500.00	RM 750.00
3.	Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi	RM300.00	RM 450.00

SYARAT

9. Kemudahan Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi diberi setiap tiga (3) tahun sekali.

10. Tuntutan bayaran balik Pakaian Istiadat, Pakaian *Black Tie* dan Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi hendaklah dikemukakan dengan resit.

11. Tuntutan bayaran balik Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi hendaklah disokong dengan maklumat mengenai jemputan upacara rasmi tersebut.

12. Penggunaan kemudahan ini hendaklah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan pegawai berkenaan.

TARIKH KUAT KUASA

13. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2005**.


PEMBATALAN

14. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, perenggan 3, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1993 serta keseluruhan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1994 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1997 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

15. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

29 November 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan